



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

JKR BP 2350 (P), Jalan Zaharah

83000 Batu Pahat, Johor

Tel : 07-4342201

Faks : 07-4343226

Laman Web : ppdbp.edu.my

Ruj. Kami : JPA0002.KOKO(24)/700-3/3/1Jld.3(3)

Tarikh : 11 Jun 2018

Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor
d/a SK Sungai Suloh,
Jalan Sungai Suloh
83200 Batu Pahat

Tuan,

**KEBENARAN BAGI MENYERTAI KOROBORI PENGAKAP KANAK-KANAK PERINGKAT
KEBANGSAAN 2018**

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat tuan nombor rujukan PPMBP/PTD/(P)2018/J(ppdbp) bertarikh 03 Jun 2018 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sehubungan itu, Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat tiada halangan bagi memberi pelepasan kepada penglibatan guru dan pelajar dalam aktiviti ini dengan menetapkan beberapa syarat seperti berikut:

- i. Penglibatan setiap pelajar dan guru mestilah **mendapat kebenaran bertulis** terlebih dahulu daripada **Guru Besar atau Pengetua** sekolah yang dilibatkan.
- ii. Penyertaan pelajar adalah dengan **kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga**.
- iii. Program ini tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar sekolah.
- iv. Masa Instruksional pelajar yang ditinggalkan oleh guru yang dilibatkan dalam aktiviti tidak diabaikan dan diurus sebaiknya oleh pemimpin sekolah.
- v. **Tiada unsur paksaan** dalam penyertaan dan penglibatan sekolah atau pelajar.
- vi. Pihak tuan selaku penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas keselamatan pelajar dan guru-guru yang mengikuti program ini.
- vii. **Tiada implikasi kewangan dan perundangan** kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, dan Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat.
- viii. Murid tersebut hendaklah dilindungi oleh Skim Insurans Perlindungan Diri Tambahan.
- ix. **Guru pengiring** mesti terlibat dalam semua aktiviti murid.
- x. Semua urusan pengangkutan pelajar adalah tanggungjawab penganjur.
- xi. Segala langkah hendaklah diambil demi keselamatan dan kebajikan peserta.
- xii. Pihak tuan dipohon agar mengemukakan satu salinan **laporan tahunan persatuan (sekali setahun)** dan salinan laporan program (**30 hari selepas program**) bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- xiii. Kelulusan ini hanya sah pada **06 – 10 JULAI 2018**.

3. Sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas sila hubungi En. Azhan Bin Besah@Sitam Penyelia Kokurikulum, PPD Batu Pahat di talian 013-7288019.

Sekian, terima kasih:


"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....
(SAJALI BIN IBRAHIM)

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat


INSURANS MEMBERSHIP TRANSFORMASI



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4166



فرسان و تواران قضاة في ميسيا

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI JOHOR
DAERAH BATU PAHAT


bpscouts4.wordpress.com
E-mail: bpdahatscouts@gmail.com

Unit SK Sungai Suloh, Jalan Sungai Suloh, 83200 Sungai Suloh, B. Pahat
0137794838

Ruj. Kami : PPMBP/PTD/(P) 2018/J(ppdbp)

Tarikh : 3 Jun 2018

Pegawai Pendidikan Daerah Batu Pahat
Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
JKR BP 2350 (P), Jalan Zaharah
83000 Batu Pahat, Johor



Tuan ,

**MEMOHON KEBENARAN MENYERTAI KOROBORI PENGAKAP KANAK-KANAK
PERINGKAT KEBANGSAAN 2018**

Adalah saya dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Program berkenaan akan diadakan seperti ketetapan yang berikut:

Program : KOROBORI PENGAKAP KANAK-KANAK PERINGKAT
KEBANGSAAN TERENGGANU 2018

Tarikh : 06 hingga 10 Julai 2018 (Jumaat hingga Selasa)

Tempat : Kem Pengakap, Tengku Muhammad Ismail,
Kuala Nerus, Terengganu

Penyertaan : 44 orang murid tahun 4-6 termasuk guru pengiring.


3. Bersama-sama ini dilampirkan surat kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Azhan Bin Besah@ Sitam Penyelia Kokurikulum PRD Batu Pahat di talian 013-7288019 atau En. Khairulanam bin Tumian Ketua Kontinjen Batu Pahat di talian 0197751300.

4. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan dalam menyokong Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Batu Pahat amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terimakasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI PENGAKAP"

Yang benar,


(KHAIRULANAM BIN TUMIAN)
KETUA KONTINJEN DAERAH BATU PAHAT
KOROBORI PERINGKAT KEBANGSAAN
TERENGGANU 2018

s.k fail



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Kokurikulum, Sektor Pembangunan Kemanusiaan

Telefon : 07-231 0000
Pegarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpnjohor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311484 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ.KOKO.600-3/3/12 ()

Tarikh : 14 Mei 2018

Ketua Pesuruhjaya Pengakap
Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor
No. 22-01, Jalan Kolam Air 1
Taman Nong Chik Heights
80000 Johor Bahru.

Tuan,

**KEBENARAN PERLAKSANAAN PROGRAM :
KOROBORI KEBANGSAAN PENGAKAP KANAK-KANAK 2018**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan PPMNJ/PKKNJ/09/07 (03) bertarikh 6 Mei 2018 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor tiada halangan untuk guru dan murid terlibat menyertai program tersebut di atas pada 6 – 10 Julai 2018 bertempat di Kem Pengakap Tengku Muhammad Ismail, Kuala Nerus, Terengganu.

3. Pihak tuan adalah dinasihatkan untuk berbincang dengan Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar sekolah yang berkenaan untuk tindakan yang selanjutnya disamping mematuhi perkara-perkara berikut untuk menjaga kepentingan dan kebajikan peserta:

- i. Tiada unsur paksaan menyertai aktiviti tersebut.
- ii. Penyertaan tidak mengganggu persekolahan guru dan pelajar.
- iii. Segala langkah hendaklah diambil demi keselamatan dan kebajikan peserta.
- iv. Kebenaran bertulis daripada ibu / bapa / penjaga hendaklah diperolehi
- v. Murid tersebut telah dilindungi oleh Skim Insuran Perlindungan Diri tambahan
- vi. Guru pengiring mesti terlibat dalam semua aktiviti murid
- vii. Cuti Tanpa Rekod guru hendaklah tidak melebihi 14 hari
- viii. Penglibatan guru hendaklah mendapat kelulusan Pengetua/Guru Besar
- ix. Tiada implikasi kewangan dan perundangan ke atas Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor
- x. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon dan luput selepas **10 Julai 2018**

4. Sekiranya ada kemusykilan dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Rusli bin Tumiran di talian 016-7734935 / 07-2311484 di Unit Kokurikulum JPN Johor.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI YASMAN BIN JAMSIR)
Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan
b/p Pengarah Pendidikan Negeri Johor

s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
2. PPD Negeri Johor





Ruj. Kami : KPM.600-6/1/8 Jld. 4 (59)
Ruj. tuan : PPM-4(047)/2018
Tarikh : 23 April 2018
7 Sya'ban 1439H

Ketua Pegawai Eksekutif
Persekutuan Pengakap Malaysia
Rumah B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

YBhg. Dato',

**PERMOHONAN KELULUSAN DAN PELEPASAN BERTUGAS PEGAWAI PENDIDIKAN / GURU
PEMIMPIN SERTA AHLI PENGAKAP BAGI MENYERTAI KOROBORI KEBANGSAAN
PENGAKAP KANAK-KANAK**

Dengan hormatnya surat tuan bertarikh 18 April 2018 adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Bahagian ini tiada halangan bagi penglibatan pegawai pendidikan/ guru pemimpin serta ahli pengakap untuk menyertai Korobori Kebangsaan Pengakap Kanak-kanak pada 6 hingga 10 Julai 2018 bertempat di Kem Pengakap Tengku Muhammad Ismail, Kuala Nerus, Terengganu berdasarkan syarat-syarat berikut:

- 2.1 Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan pengetua / guru besar sekolah-sekolah terlibat;
- 2.2 Penglibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;
- 2.3 Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- 2.4 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;
- 2.5 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 2.6 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;
- 2.7 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
- 2.8 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru dan murid yang terlibat dengan program ini;

2.9 Guru diingatkan agar melindungi waktu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) murid;

2.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat.

3. Kelulusan ini hanya untuk penglibatan pegawai pendidikan/ guru pemimpin serta ahli pengakap untuk menyertai Korobori Kebangsaan Pengakap Kanak-kanak pada 6 hingga 10 Julai 2018 bertempat di Kem Pengakap Tengku Muhammad Ismail, Kuala Nerus, Terengganu dan luput selepas 10 Julai 2018. Pihak pengajur dipohon untuk menghantar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD RASHID BIN MEAN)
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. 1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri